

# Kerajaan akan kembalikan program semarak kenegaraan pupuk perpaduan

Omar Ahmad

am@hmetro.com.my



Aaron Ago Dagang (empat dari kiri) memalu gong simbolik perasmian Program Ramah Tamah Uniti Kaamatan dan Gawai di Dewan Taman Mawar. FOTO OMAR AHMAD

Pasir Gudang : Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 3.0 pada tahun ini, untuk melihat tahap perpaduan di negara ini.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tahun lalu IPNas yang dilaksana secara bersama dengan Institut Kajian Etnik (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menunjukkan sedikit peningkatan, iaitu 0.62 berbanding 0.57 pada 2018.

"Kerajaan akan mengembalikan pelbagai program semarak kenegaraan bagi memupuk lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat dan komuniti.

"Hidupkan kembali semangat rakyat Malaysia yang cintakan negara, sejarah, semarak perpaduan, 'unity walks' dan semua program untuk membawa rakyat secara bersama.

"Penganjuran pelbagai program dan aktiviti kebudayaan dan kemasyarakatan, rakyat pelbagai kaum dapat bersama-sama bekerjasama menjayakannya.

---

"Dari segi mengukur perpaduan, kita ada cara mengukur IPNas yang akan diadakan sekali lagi bersama Kita UKM," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Program Ramah Tamah Uniti Kaamatan dan Gawai Tahun 2023 di sini, malam tadi.

Aaron berkata, program julung kali diadakan kementeriannya itu bagi meraikan kepelbagaian lebih 35,000 masyarakat Borneo yang menetap dan bermastautin di Johor.

Katanya, sambutan ini adalah simbolik kepada semangat perpaduan dan muhibah.

"Saya amat bangga dengan semangat Bangsa Johor yang begitu menitik beratkan semangat kebersamaan dan kekitaan, dalam menerima kepelbagaian budaya yang menjadi tunjang kepada kelestarian keharmonian dan kemakmuran," katanya.

**Disiarkan pada: Jun 11, 2023 @ 12:06pm**